



**TEKS UCAPAN AMANAT
YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
TAHUN 2022**

**11 FEBRURARI 2022 (JUMAAT), 9.00 PAGI
AUDITORIUM JAKIM, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih pengacara majlis.

**Yang Berbahagia Tan Sri Idrus bin
Harun**

Peguam Negara

**Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri
Dato' Sri Haji Affendi bin Buang
Panglima Angkatan Tentera**

**Yang Berbahagia Inspektor General
Tan Sri Acryl Sani bin Haji Abdullah
Sani**

Ketua Polis Negara

**Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd
Shafiq bin Abdullah**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil
Bin Rakon**

**Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri**

**Yang Berbahagia Ketua-Ketua
Perkhidmatan**

**Yang Berbahagia Ketua-Ketua
Setiausaha Kementerian**

**Yang Berhormat Setiausaha-
Setiausaha Kerajaan Negeri**

dan

**Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri,
Datuk-Datuk, Dato' Seri- Dato' Seri**

**Tuan-Tuan, Puan-Puan Ketua
Jabatan Yang Dikasihi**

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Malaysia.**

**Alhamdulillah saya memanjatkan
setinggi kesyukuran ke hadrat Allah
S.W.T. kerana di bawah rahmat dan
inayahNya, kita masih diberi
kesempatan untuk hadir bersama di
Majlis Amanat Ketua Setiausaha**

Negara (KSN) tahun 2022 bersama penjawat awam pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, mungkin masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada para hadirin sekalian dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri di atas penganjuran majlis ini yang membolehkan saya menyampaikan Amanat kepada para penjawat awam pada awal tahun 2022.

3. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya memulakan dengan serangkap pantun:

**Puas sudah menanam ubi,
Nenas juga dicari orang,
2021 dugaan silih berganti,
2022 In sha Allah bahagia pasti
mendatang.**

4. Setiap kali memasuki tahun baharu, kita pasti memandang sejenak ke belakang bagi merenung dan menilai tindakan yang telah kita

lakukan pada tahun lalu. Adakah kita berpuas hati dengan pencapaian lalu atau banyak lagi usaha yang perlu dipertingkatkan bagi memperbaiki segala kelemahan dalam mencapai lebih kejayaan pada masa hadapan.

Para hadirin sekalian,

5. Ketika negara sedang menuju ke era endemik, negara sekali lagi diuji dengan banjir besar hujung tahun lalu hingga ke awal tahun ini.

Keadaan banjir, terutamanya yang melanda sekitar Lembah Klang pada kali ini disifatkan yang terburuk berikutan hampir keseluruhan kawasan di Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang di Selangor lumpuh akibat jumlah kuantiti air hujan yang banyak. Negeri-negeri lain yang turut terjejas, seperti Pahang, Johor dan Melaka.

6. Dalam hal ini, saya turut bersimpati apabila ada penjawat awam yang terjejas dengan banjir

seperti rumah dimasuki air, perabot rosak dan kenderaan yang tenggelam.

7. Walau bagaimanapun, saya cukup kagum dan terharu melihat ramai penjawat awam yang menjadi sukarelawan demi membantu mangsa banjir. Bantuan telah dihulur dengan bermacam cara. Ada yang turun ke lokasi mengerah tenaga dan kudrat. Ada yang menghulurkan sumbangan wang ringgit dan tidak kurang juga yang memanjat doa

**untuk keselamatan serta
kesejahteraan kepada mangsa
banjir.**

**8. Bagi menghadapi
kemungkinan bencana gelombang
kedua, YAB Perdana Menteri telah
memberi amanah kepada saya untuk
mempengerusikan Mesyuarat Task
Force Pengurusan Pasca Banjir dan
Kesiapsiagaan Menghadapi
Gelombang Kedua Bencana Banjir
yang julung kali diadakan.**

9. Turut bersama saya adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah ICU, Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan. Begitu juga YB-YB SUK Kerajaan Negeri dan Pegawai-Pegawai Daerah yang bersiap siaga untuk menerima arahan atau mengambil tindakan segera secara langsung tanpa melibatkan birokrasi seperti mana kebiasaan.

10. Pada 29 Disember 2021 lalu juga, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM1.4 bilion di bawah Bantuan Banjir Keluarga Malaysia. Bantuan ini merupakan yang pertama seumpamanya berlaku dalam sejarah Malaysia. Antara bentuk bantuan adalah Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM1,000, Sumbangan RM2,500 bagi Pembelian Barangan Keperluan dan Rebat Tunai RM500 Pembelian Barangan Elektrik.

11. Kesemua perkara ini sebenarnya memberikan satu hikmah yang besar kepada kita semua di mana sesuatu agenda atau inisiatif ini jika dilaksanakan tanpa mengira kerana birokrasi, tidak silo serta berpaksikan semangat esprit de corp Keluarga Malaysia yang erat, maka ia dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

12. Oleh itu, saya amat berharap Kementerian/Jabatan/ Agensi yang diberikan amanah tersebut dapat

**memperkemaskan dan
menyegerakan segala urusan
penyaluran bantuan tersebut.
Sebagai jentera Kerajaan, kita perlu
pastikan segala bantuan sampai
kepada mangsa-mangsa banjir
dengan cepat dan menyeluruh.**

CABARAN PEMULIHAN SEMULA EKONOMI

**Para hadirin yang dihormati
sekalian,**

13. Cabaran ekonomi negara kini telah menjadi lebih besar berikutan gelombang ketiga COVID-19 yang masih belum reda. Masalah ini masih berterusan dan kita juga perlu sentiasa bersedia dengan sebarang dugaan yang tidak dapat dijangka.

14. Bank Dunia telah menjangkakan ekonomi Malaysia mampu meraih momentum dan berkembang sebanyak 5.8 peratus dalam laporannya bertajuk Malaysia Economic Monitor December 2021:

Staying Afloat bertarikh 10 Januari 2022. Unjuran ini sejajar dengan jangkaan pertumbuhan 5.5 peratus hingga 6.5 peratus dan 14.3 peratus daripada KDNK oleh Bank Negara Malaysia setelah pembentangan Bajet 2022 pada 29 Oktober 2021 lalu.

15. Usaha pemulihan ekonomi ini telah dilaksanakan Kerajaan sejak tahun 2021 lagi. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) seperti

PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA+ dan PEMULIH yang keseluruhannya berjumlah RM225 bilion atau 14.8% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

16. Tahun ini pula, sebanyak RM332.1 bilion telah diperuntukan, yang juga merupakan peruntukan tertinggi pernah diluluskan berbanding tahun sebelumnya. Ini bagi memastikan negara dapat kembali ke landasan kemakmuran

melalui pelan ekonomi jangka masa panjang melalui Bajet 2022.

17. Peruntukan yang besar ini pastinya memerlukan perancangan, koordinasi, akauntabiliti dan kerjasama erat daripada pelbagai pihak, terutamanya untuk menyiapkan projek-projek pembangunan dan tender-tender yang perlu dilaksanakan segera.

**KEJAYAAN PENCAPAIAN 100 HARI
ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA**

Para hadirin sekalian,

18. Kerajaan juga telah membuktikan kejayaan 100 hari pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri. Sepertimana amanat beliau, penjawat awam merupakan penggerak utama dalam menyumbang kepada pencapaian lebih 90 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kejayaan 100 hari

Aspirasi Keluarga Malaysia. Ini adalah hasil kesungguhan dan kerjasama penjawat awam yang sentiasa ingin memberikan perkhidmatan terbaik dan berkesan kepada rakyat.

19. Justeru itu, amat penting untuk kita, sebagai penjawat awam bersama-sama berganding bahu sebagai sebuah 'Keluarga Malaysia' untuk memulihkan negara, seterusnya mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi.

Sesungguhnya, peranan penjawat awam adalah sangat kritikal sebagai tulang belakang pentadbiran negara.

LONJAKAN KECEMERLANGAN MELALUI NILAI-NILAI *TRUST TO SERVE* DAN PRINSIP *FASTER*

Para hadirin yang dihormati sekalian,

20. Mengimbas kembali ke tahun 2020, semasa saya dilantik sebagai

Ketua Setiausaha Negara, saya telah memperkenalkan prinsip *Trust to Serve* atau Kepercayaan Untuk Berkhidmat. Prinsip ini saya ketengahkan kerana hubungan antara penjawat awam dan kepimpinan negara pada masa itu sering disalahertikan oleh media masa, sehingga munculnya istilah seperti ‘daulah terpendam’.

21. *Trust to Serve* ini menggambarkan kesungguhan, komitmen dan kesetiaan

Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan tugas-tugas seperti yang termaktub dalam ikrar penjawat awam kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Lima nilai utama *Trust to Serve* mestilah digenggam erat, iaitu kebersamaan, interaksi, dinamik, khidmat bakti dan pembudayaan integriti yang harus dijadikan panduan bagi memacu kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

22. Kemudian pada tahun 2021 pula, apabila darurat diproklamasikan oleh SPB YDP Agong ketika kita berdepan dengan situasi COVID-19 yang lebih kritikal sehingga memaksa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebanyak tiga kali telah dilaksanakan, saya telah memperkenalkan prinsip F.A.S.T.E.R iaitu merujuk kepada *flat, agile, streamlined, tech-enabled, efficient and resilient*.

23. Prinsip ini diperkenalkan tidak lain selain untuk memastikan jentera perkhidmatan awam dapat segera menggerakkan ekonomi dan mempercepatkan usaha-usaha membantu rakyat semasa situasi PKP tersebut.

24. Alhamdulillah kita dapat melepasi kedua-dua fasa tersebut iaitu tahun 2020 dan 2021 dengan jayanya, meskipun terdapat pelbagai mehnah dan tribulasi yang melanda.

PRINSIP S.W.I.F.T. SELARAS FASA BAHARU ENDEMIK

**Para hadirin dan hadirat yang
dihormati sekalian,**

**25. Seiring dengan situasi semasa
negara di mana kita kini menuju ke
fasa endemik, maka saya
berpandangan sudah tiba masanya
untuk menetapkan aspirasi dan
keazaman kita ke arah prakarsa
baharu yang lebih ke hadapan iaitu
nilai yang saya akronimkan sebagai**

“S.W.I.F.T” yang merujuk kepada “speed”, “world class knowledge”, “inspirational”, “flexible” dan “technology-based”.

26. Sebagai pemulaan tahun baharu ini, saya rasa elok kiranya kita hayati nilai *speed* iaitu semua penjawat awam perlu bertindak dan membuat keputusan dengan pantas dalam sesuatu urusan demi merealisasikan aspirasi kerajaan yang mengutamakan prestasi dan

berpaksikan keutamaan kepada rakyat.

27. Sebagai contoh apabila saya dilantik sebagai pengerusi Mesyuarat Task Force Pengurusan Pasca Banjir dan Kesiapsiagaan Menghadapi Gelombang Kedua Bencana Banjir, saya tanpa lengah terus memanggil semua Jabatan/Agensi yang berkaitan untuk untuk selesaikan masalah.

28. Setiap agensi persekutuan, negeri dan daerah termasuk Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di peringkat kawasan digerakkan dengan pantas. Malah kita bekerja tanpa mengira hari minggu atau hari bekerja, siang dan juga malam bagi memastikan tiada nyawa yang terancam serta kehidupan mangsa bencana dapat dibantu dan dipermudahkan.

29. Yang kedua, kita juga perlu terapkan nilai *world class*

***knowledge* dalam diri setiap penjawat awam agar tidak lagi melaksanakan tugas sekadar apa yang kita mahukan, atau dipanggil “syok sendiri”. Tetapi kita mula melihat praktis-praktis terbaik negara luar yang boleh dijadikan benchmark untuk melaksanakan sesuatu perkara.**

30. Sepertimana inisiatif Kerajaan untuk memantapkan ekosistem pembangunan vaksin negara dengan melancarkan Pelan Hala Tuju

Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI). Melalui pelaksanaan PPVN, Malaysia mampu mencorak laluan dalam mengeluarkan produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara.

31. Usaha seperti ini merupakan pencapaian bersifat 'world class' di mana kita mampu berdiri sama

tinggi dengan negara maju yang lain dalam usaha penghasilan vaksin, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada vaksin yang diimport dari negara luar kelak.

32. Yang ketiga, bagi memupuk nilai-nilai positif dalam Perkhidmatan Awam, nilai *inspirational* adalah sangat perlu dititikberatkan oleh semua penjawat awam. Oleh itu, amat penting untuk semua Ketua Setiausaha dan Ketua

Jabatan untuk memberi inspirasi kepada pegawai bawahannya.

33. Menelusuri sejarah gemilang Perkhidmatan Awam negara, antara tokoh yang memberi inspirasi kepada saya sendiri ialah Allahyarham Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, yang telah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Negara dari tahun 1990 hingga 1996.

34. Begitu banyak sumbangan budi dan jasa bakti beliau kepada

negara sama ada dalam Perkhidmatan Awam atau bidang korporat melalui penulisan buku-buku, sumbangan idea dan juga sewaktu berkhidmat sebagai Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

35. Alhamdulillah pada tahun lalu, saya telah menjejaki suluhan budi yang ditaburkan beliau apabila telah dilantik sebagai Pro-Canselor yang baharu di UKM.

Para hadirin sekalian,

36. Yang keempat, saya juga ingin mengajak agar setiap penjawat awam meneruskan nilai *flexible* iaitu tidak terlalu rigid kepada dasar dan peraturan dengan mengutamakan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terutamanya dalam situasi genting.

37. Sebagai contoh, Kerajaan telah buat pertama kalinya menyediakan tiga alternatif semasa

agihan bantuan kepada mangsa banjir baru-baru ini iaitu sama ada dibuat secara tunai di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), serahan tunai dari rumah ke rumah atau pemindahan tunai secara atas talian (EFT). Malah mereka ini juga tidak perlu mengisi apa-apa borang permohonan sekali pun pada saat sukar tersebut.

38. Dan saya perhatikan di laman-laman sosial, rata-rata rakyat memuji pendekatan ini di mana

mereka terus memperoleh bantuan tanpa perlu melalui pelbagai karehah birokrasi yang mengikat serta merenyahkan.

39. Yang kelima, saya juga melihat nilai *technology-based* perlu dilihat sebagai bersifat wajib dan mesti ada dalam melaksanakan setiap tugas di pejabat. Penggunaan teknologi amat kritikal bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan pantas dan tuntas.

40. Sebagai contoh, apabila COVID-19 melanda, Kerajaan terus memperkenalkan penggunaan MySejahtera bagi menguruskan agihan vaksin dan kaedah interaksi lansung dengan rakyat. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan perkhidmatan *end to end* (E2E) Kerajaan pada tahun 2025 mestilah mencapai 80%.

41. Oleh itu, Semua Ketua Jabatan perlu memastikan hasrat ini tercapai dan juga melihat sistem dan proses

kerja lain yang boleh diautomasikan. Usaha ini selari dengan inisiatif-inisiatif di bawah MyDIGITAL yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan, merangkumi Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia.

42. Begitulah peri pentingnya amalan nilai S.W.I.F.T ini perlu diterapkan dalam setiap pelaksanaan inisiatif kita sepanjang tahun 2022 ini dan akan datang. Saya amat berharap setiap Ketua

Jabatan dapat menerangkan agenda SWIFT ini kepada setiap anak buah di jabatan masing-masing kerana tiada gunanya perkara ini dibincangkan di sini hari ini dan sekadar terhenti di sini tanpa ia disampaikan pula kepada seluruh penjawat awam yang lain.

**MEMPERKUKUH INTEGRITI,
MEMPERKASA GOVERNANS DAN
TADBIR URUS**

Para hadirin sekalian,

43. Sebagaimana yang kita sedia maklum, skor CPI Malaysia bagi tahun 2021 ialah sebanyak 48 dengan kedudukan ke-62 daripada 180 buah negara. Kedudukan ini menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2020 dengan skor 51 serta berada di kedudukan 57 daripada 180 negara. Tahun 2019 pula menyaksikan kedudukan negara berada di tempat terbaik iaitu 51.

44. Antara faktor terbesar peningkatan skor CPI ini ialah penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) serta pelancaran Pelan Antirasuah Nasional atau NACP.

45. Dalam hal yang lain, isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan penjawat awam termasuklah agensi penguatkuasaan juga menjadi isu hangat yang sering diperkatakan

dalam media massa sama ada media perdana atau alternatif masa kini.

46. Justeru itu, meski pun kadangkala kita tahu berita yang disampaikan itu mungkin tidak benar atau masih lagi dalam peringkat siasatan, namun, impaknya kepada imej Perkhidmatan Awam amat besar sekali.

47. Justeru itu, saya amat berharap agar setiap Ketua Jabatan serta seluruh penjawat awam dapat

melipatgandakan usaha-usaha memperkukuh integriti dan tadbir urus menerusi pelaksanaan segala inisiatif di bawah pelan antirasuah organisasi atau OACP yang telah dibangunkan oleh agensi masing-masing.

48. Integriti ini ialah sesuatu yang melibatkan tiga perkara dalam diri kita. Pertama akal, kedua nafsu dan ketiga ialah perbuatan sama ada melalui lidah atau tangan. Sekiranya akal gagal mengawal nafsu, maka

lidah dan tangan akan bermaharajalela, lalu terjadilah pencabulan integriti dalam diri.

49. Perkara ini pula sekiranya dibiarkan, maka akan menjadi barah yang merebak ke seluruh organisasi dan akhirnya Perkhidmatan Awam kita ini akan dipandang hina dan jelek oleh masyarakat. Nauzubillahi min zalik.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

50. Sebagai penutup, di kesempatan ini juga, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua lapisan penjawat awam atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2021.

51. Semoga semua penjawat awam yang dikasihi terus beristiqamah dan beriltizam untuk

menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti pada tahun ini.

52. Saya juga ingin menyeru agar kita semua terus kekal mengamalkan penjagaan sendiri dan sentiasa patuh kepada S.O.P yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, agar kita semua terlindung daripada wabak COVID-19 yang masih belum reda. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terimalah beberapa rangkap pantun daripada saya:

**Tahun 2022 telah tiba,
Sematkan azam didalam hati kita,
Usah lagi berdagang hiba,
Marilah bina Keluarga Malaysia
tercinta.**

**Terus bekerja walaupun penat,
Tersemat erat dalam jiwa perwira;
Baliklah tuan membawa amanat,
Binalah bangsa dan bangunkan
negara.**

**Sekian. Wabillahitaufiq wal hidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.**